

# PM ingatkan pendakwah tidak sempitkan perjuangan

U.M. 1 DECEMBER 1992

KUALA LUMPUR 10 Dis. — Perdana Menteri, Qato' Sri Dr. Mahathir Mohamad mengingatkan para pendakwah di negara ini supaya tidak hanya berminat kepada perjuangan bagi mengislamkan sesuatu yang telah Islam.

Katanya, pendakwah tidak harus menghadkan tanggungjawab mereka kepada akidah, iman dan ibadat tertentu sahaja tetapi juga kepada pembentukan sikap yang sesuai dengan penerapan ilmu-ilmu dan kecakapan yang boleh menjadikan umat Islam maju, membangun, mampu mentadbir serta mempertahankan agama dengan berkesan.

"Tariinjelas orang bukan Islam tidak menghormati agama Islam. Ini bukan disebabkan oleh agama Islam itu sendiri tetapi oleh kerana sikap dan pencapaian umat Islam yang tidak menepati ajaran Islam," katanya.

Beliau menyatakan demikian semasa berucap merasmikan Kursus Pendakwah Negara di Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN) di sini hari ini.

Kursus yang dihadiri oleh 2,000 orang pendakwah seluruh negara itu diadakan sehingga Sabtu depan.

## Kejayaan

Selain membahaskan tign kertas kerja yang dibentangkan, para peserta kursus turut melawat beberapa tempat di sekitar ibu kota termasuk kilang kereta nasional Proton Saga, MARDI dan mendengar taklimat Unit Perancang Ekonomi (EPU) di Jabatan Perdana Menteri.

Menurut Dr. Mahathir, dalam sejarah perkembangan agama Islam, tidak ada faktor yang lebih berkesan untuk menarik penganut baru selain daripada kejayaan nyata penganut yang sedia ada.

Beliau berkata, mungkin ada yang berpendapat bahawa penerimaan Islam oleh bukan

Islam atau kehormatan mereka terhadap agama Islam tidak penting asalkan umat Islam mengamalkan ajaran Islam.

"Tetapi sikap ini sudah menunjukkan bahawa kita tidak mengamalkan ajaran Islam kerana sebahagian daripada tanggungjawab orang Islam ialah mengembangkan agama mereka.

"Walaupun, orang Islam terutamanya para pendakwah Islam tidak boleh memandang ringan penghinaan agama Islam oleh orang bukan Islam.

"Sama ada Islam atau tidak, mereka harus faham dan menghormati agama Islam," katanya.

## Pembangunan

Untuk mencapai tujuan itu, katanya, adalah menjadi tugas para pendakwah untuk meningkatkan pembangunan ummah supaya orang Islam mampu berdikari untuk mempertahankan agama dan negara mereka, di samping berupaya mempertahankan negara Islam yang lain.

Kata Perdana Menteri, usaha menjayakan masyarakat Islam sehingga mereka mampu mencipta dan mengeluarkan barangan yang canggih dan berkualiti serta tidak lagi bergantung kepada orang lain, tidak boleh dianggap sebagai terasing daripada soal mengembangkan agama Islam, iaitu berdakwah.

"Orang Islam yang menjayakan usaha-usaha seperti ini tidak boleh dicap sebagai orang yang sudah lupa kepada agama atau ibadat-ibadat tertentu, sebaliknya mereka akan lebih mampu beribadat kerana jika mereka mampu barulah mereka dapat mengeluarkan zakat dan mengerjakan haji," ujar beliau.

Dr. Mahathir berkata, dalam usaha untuk membangunkan ummah, para pendakwah perlu menghidupkan semula

dakwah yang bersifat luas tetapi para pendakwah sendiri tidak harus menjadi masalah kepada masyarakat Islam dengan bersikap ekstrim serta memecah-belah dan mengelirukan orang Islam.

Beliau menjelaskan, golongan ekstrimis agama hanya mendedahkan diri mereka untuk menjadi alat kepada musuh Islam.

Katanya, percubaan golongan ekstrimis untuk menjatuhkan kerajaan negara-negara Islam yang mereka dakwa tidak Islam, hanya berjaya melemahkan negara-negara tersebut dan menyekat kemajuan.

"Dengan itu, negara-negara Islam akan menjadi lebih mundur dan terpaksa bergan-

tung kepada negara-negara bukan Islam sehingga hilang kebebasan.

"Sebenarnya negara yang dipimpin oleh ekstrimis lebih mundur dan tidak mampu menentang negara bukan Islam malah mereka juga boleh diperalatkan oleh musuh Islam untuk melemahkan lagi masyarakat dan dunia Islam," tambah beliau.

Dr. Mahathir juga mengingatkan umat Islam supaya bersyukur kerana dilahirkan sebagai orang Islam dan mampu untuk mempertahankan kesucian Islam.

"Justeru itu anggaplah tugas berdakwah sebagai ibadat yang mulia yang tidak boleh diasaskan kepada kepentingan diri semata-mata," katanya.